

27th Julai 2020

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan,

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Audit Pensijilan Semula MSPO Bagi SPOC Q10 Betong & Spaoh

Malaysian Palm Oil Board (MPOB) telah melantik BSI Services Malaysia Sdn Bhd untuk melaksanakan audit pensijilan semula MSPO untuk SPOC Q10 Betong & Spaoh. Berikut adalah keterangan dan butiran unit pensijilan:

Unit Pengurusan Ladang			
SPOC Q10 Betong & Spaoh			
Ladang	Alamat	Rujukan GPS	Luas Ladang (ha)
SPOC Q10 Betong & Spaoh	MPOB Cawangan Betong, 1 st & 2 nd Floor, Sublot (56), Lot 1992, Block 9, Batu Api Land District, 95700 Bandar Baru Betong, Phase 3, Sarawak, Malaysia	001° 24' 12.19" N 111° 32' 07.84" E	2,288.12
Jumlah Luas Ladang			2,288.12

BSI merancang untuk melakukan audit pensijilan semula terhadap SPOC Q10 Betong & Spaoh pada 1^{hb} - 4^{hb} September 2020. Audit pensijilan semula akan diadakan menurut MS 2530-2:2013 - *General principles for independent smallholders*. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian Standard MS 2530:2013 Malaysia.

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 80,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawaian BSI adalah sebuah Badan Piawaian Kebangsaan United Kingdom.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit pensijilan semula di SPOC Q10 Betong & Spaoh terdiri daripada:

Muhamad Naquiuddin Mazeli sebagai Ketua Juruaudit (Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman & luaran, amalan pengurusan baik untuk ladang, pematuhan undang-undang), dan **Vijay Kanna Pakirisamy** sebagai Juruaudit (Aspek alam sekitar, HCV & perlepasan gas rumah hijau, keselamatan & kesihatan pekerja, pematuhan undang-undang).

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/ komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Alam sekitar & aspek sosial
- Pelindungan alam sekitar
- Pemuliharaan biodiversity
- Peluang pekerjaan
- Pendekatan syarikat untuk pembangunan penduduk setempat

- Hubungan pihak tuan dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam membuat keputusan
- *Free, Prior and Informed Consent*
- Hak kemunusiaan dan perlindungan buruh kanak-kanak
- Cadangan untuk penambahbaikan
- Kepatuhan unit pengurusan

Satu mesyuarat dengan pihak berkepentingan akan diatur seperti tarikh yang dinyatakan di atas. Pihak tuan dijemput hadir untuk memberi pandangan dan pendapat semasa mesyuarat tersebut. Sila hubungi Pengurus Skim seperti di bawah sekiranya ingin turut hadir mesyuarat tersebut. Butir-butir adalah seperti di bawah.

Pendapat dan pandangan anda juga boleh disalurkan dalam bentuk bertulis. Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:
Alamat:
Emel:
Nombor Telefon:
Nombor Faks:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pengurus Skim:

Azrul Wan Azizan
BSI Services Malaysia Sdn Bhd
BSI Services Malaysia, Suite 29.01
Level 29, The Gardens North Tower
Mid Valley City Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : +603 9212 9638
Faks : +603 9212 9639
Emel : Azrul.WanAzizan@bsigroup.com

DAN/ATAU Auditee:

Mohd Shahrin Rahami
Ketua Unit Piawaian Kemampanan dan Pensijilan,
Malaysian Palm Oil Board (MPOB)
Pejabat MPOB, Cawangan Bangi
Lot PT 11545, No. 3, Jalan P/9B, Seksyen 9
43650 Bandar Baru Bangi
Selangor, Malaysia
Tel : +603 8911 0181
Faks : -
Emel : mohd.shahrin@mpob.gov.my

Jika ada terdapat sebarang aduan, sila lawati <https://www.bsigroup.com/en-MY/our-services/Customer-Feedback-Policy-and-Procedure/> untuk prosedur yang lebih lengkap.

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....
Azrul Wan Azizan
Director
Operations and Compliance & Risk - Assurance